

**MODUL PERKEMBANGAN PEMBELAJARAN
SPM 2023**

MPP 3

PRINSIP PERAKAUNAN

KERTAS 1

**Satu jam lima belas minit
(1¼ jam)**

Jawab semua soalan

(Kertas ini mengandungi 12 halaman bercetak)

- 1 Pernyataan berikut berkaitan dengan ciri-ciri kepimpinan seorang akauntan.

Keupayaan akauntan untuk menyampaikan maklumat perakaunan secara adil dan objektif kepada semua pihak yang berkepentingan dalam perniagaan.

Apakah ciri kepimpinan akauntan tersebut?

- A Integriti
B Kredibiliti
C Objektiviti
D Akauntabiliti
- 2 Antara berikut, yang manakah bukan kepentingan Sistem Maklumat Perakaunan kepada entiti perniagaan?
- A Mengumpul dan menyimpan data mengenai transaksi perniagaan
B Menyediakan kawalan secukupnya untuk menjaga keselamatan aset perniagaan
C Memproses data untuk menjana maklumat yang berguna kepada pengguna Penyata Kewangan dan pembuat keputusan
D Mempunyai fungsi data sokongan dalam cakera padat komputer ataupun di dalam penyimpanan atas talian yang dapat mengurangkan risiko kehilangan data
- 3 Pada tahun kewangan 2022, Perniagaan Adiba telah merekod mesin yang dibeli pada tahun 2020 dengan harga RM10 000 walaupun harga pasaran ialah RM8 000. Apakah prinsip perakaunan yang digunakan?
- A Pengiktirafan hasil dan belanja
B Wang sebagai ukuran
C Prinsip kos
D Ketekalan
- 4 Maklumat berikut menunjukkan ciri sebuah milikan perniagaan.

- Liabiliti tidak terhad
- Cukai pendapatan individu dikenakan ke atas pemilik
- Untung atau rugi perniagaan diagihkan kepada semua pemilik

Entiti perniagaan manakah yang menepati ciri-ciri perniagaan di atas?

- A Milikan Tunggal
B Syarikat Berhad
C Perkongsian
D Koperasi

- 5 Pilih padanan yang benar bagi komponen Akaun Untung Rugi.
- I Hasil
 II Belanja
 III Kos jualan
 IV Jualan bersih
- A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D II dan IV
- 6 Apakah hasil operasi bagi sebuah kedai menjual perabot?
- A Untung jualan alat pendingin hawa
 B Jualan set bilik tidur kanak-kanak
 C Faedah atas simpanan
 D Sewa ruang niaga
- 7 Maklumat berikut menunjukkan kesan terhadap persamaan perakaunan yang diperolehi daripada Pasar Mini Adika.

Aset	Liabiliti	Ekuiti Pemilik
RM (350)	RM (400)	RM 50

Pernyataan yang manakah menunjukkan urus niaga di atas?

- A Menjual rak bernilai RM400 pada harga RM350 secara kredit
 B Menjual barang niaga berkos RM350 pada harga RM400 secara kredit
 C Menjelaskan hutang bernilai RM400 dengan cek RM350, diskaun diterima RM50
 D Menerima RM350 daripada Akaun Belum Terima dan memberi diskaun sebanyak RM50
- 8 Berikut adalah pasangan Akaun Berkaitan dan Catatan Kontra yang betul **kecuali**

Akaun Berkaitan	Catatan Kontra
A Modal	Ambilan
B Jualan	Pulangan masuk
C Kenderaan	Susut nilai terkumpul kenderaan
D Akaun Belum Terima	Pengurangan peruntukan hutang ragu

- 9 Maklumat berikut berkaitan dengan urus niaga yang berlaku di kedai D & H Elektronik Sdn Bhd.

Pemilik telah mengambil dan memasang tiga unit pemanas air yang berkos RM230 seunit di kediamannya.

Apakah dokumen yang digunakan?

- A Resit
 - B Invois
 - C Memo
 - D Nota debit
- 10 Jurnal Am berikut diperoleh daripada Butik Sri Dayang.

Tarikh	Butir	Debit	Kredit
2023 Jun 30	Inventori Akaun perdagangan	RM 6 300	RM 6 300

Apakah jenis urus niaga yang direkodkan dalam Jurnal Am di atas?

- A Catatan pelarasan
 - B Catatan penutupan
 - C Catatan pembukaan
 - D Catatan modal tambahan
- 11 Jurnal Jualan di bawah diperoleh daripada Kedai Buku Ceria pada 30 April 2023.

Tarikh	Butir	Jumlah (RM)
2023 April 6	Buku Utama KAMI	2 420
18	UNIQ Buku Sdn. Bhd.	3 250
30	X	5 670

Apakah X?

- A Akaun Jualan
- B Jumlah Jualan
- C Akaun Belum Terima
- D Jumlah Jurnal Jualan

12 Urus niaga berikut diambil daripada Kedai Hamdan:

2023 Julai 20 Terima cek daripada Akaun Belum Terima iaitu Mawar Enterprise berjumlah RM2 450
--

Apakah catatan yang betul dalam Buku Tunai?

- A **Dt.** **Buku Tunai (petikan)**
- | Tarikh | Butir | Tunai | Bank |
|------------------|------------------|-------------|------|
| 2023
Julai 20 | Mawar Enterprise | RM
2 450 | RM |
- B **Dt.** **Buku Tunai (petikan)**
- | Tarikh | Butir | Tunai | Bank |
|------------------|------------------|-------|-------------|
| 2023
Julai 20 | Mawar Enterprise | RM | RM
2 450 |
- C **Buku Tunai (petikan)** **Kt.**
- | Tarikh | Butir | Tunai | Bank |
|------------------|------------------|-------------|------|
| 2023
Julai 20 | Mawar Enterprise | RM
2 450 | RM |
- D **Buku Tunai (petikan)** **Kt.**
- | Tarikh | Butir | Tunai | Bank |
|------------------|------------------|-------|-------------|
| 2023
Julai 20 | Mawar Enterprise | RM | RM
2 450 |

13 Akaun Nyata ialah akaun yang merekodkan semua _____ perniagaan.

- A Aset
- B Hasil
- C Liabiliti
- D Belanja

14 Hasmah telah dikenal pasti tidak dapat menjelaskan hutangnya sebanyak RM450 kepada Perniagaan Manja. Perniagaan Manja memutuskan untuk menghapuskan baki hutangnya sebagai hutang lapuk.

Apakah catatan bergu bagi merekod urus niaga tersebut?

- | | Debit | Kredit |
|---|------------------|------------------|
| A | Hutang lapuk | Hasmah |
| B | Perniagaan Manja | Hutang lapuk |
| C | Hasmah | Hutang lapuk |
| D | Hutang lapuk | Perniagaan Manja |

15 Antara berikut, yang manakah **bukan** tujuan Akaun Kawalan disediakan?

- A Untuk mengimbangkan Lejar Am
- B Memudahkan perniagaan memaksimumkan keuntungan
- C Untuk menyemak ketepatan catatan dalam Akaun Belum Terima dan Akaun Belum Bayar
- D Memudahkan jumlah baki keseluruhan Akaun Belum Terima dan Akaun Belum Bayar dihitung

16 Pasangan baki akaun manakah yang benar apabila direkod dalam imbangan duga?

	Debit	Kredit
A	Komisen diterima	Premis
B	Pulangan belian	Kadar bayaran
C	Belian	Akaun Belum Bayar
D	Jualan	Akaun Belum Terima

17 Imbangan Duga berikut diberikan oleh Perniagaan Ipang pada 30 Jun 2023.

Butir	Debit	Kredit
	RM	RM
Akaun Belum Terima	28 600	
Peruntukan hutang ragu		480

Peruntukan hutang ragu hendaklah diselaraskan pada kadar 5% atas Akaun Belum Terima. Berapakah nilai peruntukan hutang ragu yang akan direkodkan dalam Akaun Untung Rugi?

- A RM1 430
- B RM1 406
- C RM950
- D RM480

18 Apakah komponen sewa belum bayar dalam Penyata Kedudukan Kewangan?

- A Belanja
- B Aset Semasa
- C Liabiliti Semasa
- D Aset Bukan Semasa

19 Antara berikut yang manakah benar tentang penutupan akaun?

- A Akaun Gaji dikreditkan dalam Akaun Untung Rugi
- B Akaun Belian dikreditkan dalam Akaun Perdagangan
- C Akaun Cukai Belian didebitkan dalam Akaun Perdagangan
- D Akaun Komisen Diterima didebitkan dalam Akaun Untung Rugi

20 Antara berikut yang manakah liabiliti semasa?

- I Gaji belum bayar
- II Insurans prabayar
- III Komisen belum terima
- IV Sewa belum terperoleh

- A I dan III
- B I dan IV
- C II dan III
- D II dan IV

21 Manakah catatan bergu yang betul untuk merekod hutang lapuk terpulih.

	Debit	Kredit
A	Akaun Hutang lapuk terpulih	Akaun Bank
B	Akaun Hutang lapuk terpulih	Akaun Belum Terima
C	Akaun Bank	Akaun Hutang lapuk terpulih
D	Akaun Belum Terima	Akaun Hutang lapuk terpulih

22 Perniagaan Bases Berjaya telah membeli sebuah kenderaan pada 1 Januari 2023.

Harga beli	RM 65 000
Nilai skrap	RM 10 000
Usia guna	10 tahun

Hitung nilai buku kenderaan tersebut selepas 4 tahun.

- A RM 29 000
- B RM 33 000
- C RM 39 000
- D RM 43 000

23 Syarikat Maju Bersama ingin menjual mesin lama yang sudah tidak ekonomik. Bagaimanakah untung atas pelupusan mesin tersebut diperolehi.

- A Apabila kos asal mesin lebih daripada harga pelupusan mesin.
- B Apabila harga pelupusan mesin lebih daripada nilai buku mesin.
- C Apabila kos asal mesin kurang daripada harga pelupusan mesin.
- D Apabila harga pelupusan mesin kurang daripada nilai buku mesin.

24 Manakah antara yang berikut dikategorikan sebagai kesilapan ketara dalam Imbangan Duga?

- A Kesilapan prinsip
- B Kesilapan komisen
- C Kesilapan songsang
- D Kesilapan ketinggalan satu catatan

- 25 Maklumat berikut diambil daripada buku akaun Mutiara Edaran Enterprise.

Akaun Promosi					
2022			2022		
		RM			RM
Jan 1	Baki b/b	300	Dis 31	Akaun Untung Rugi	4 040
Dis 31	Bank	4 200		Baki b/b	460
		<u>4 500</u>			<u>4 500</u>
2023					
Jan 1	Baki b/b	460			

Amaun promosi bagi tempoh perakaunan berakhir 31 Disember 2022 ialah

- A RM300
 B RM460
 C RM4 040
 D RM4 200
- 26 Maklumat berikut diambil daripada Perniagaan Yu Yin Trading.

Tahun	Nisbah Semasa
2021	2:1
2022	2:3

Tafsirkan prestasi syarikat bagi tahun 2022 berbanding tahun 2021.

- A Menurun dan tidak mampu membayar hutang
 B Meningkatkan ke tahap kecairan yang paling baik
 C Menurun tetapi masih mampu membayar hutang
 D Meningkatkan terlalu tinggi dan kurang memberi pulangan
- 27 Maklumat berikut diambil daripada buku perniagaan Encik Haziq yang menyimpan rekod tidak lengkap.

	RM
Modal awal	10 000
Modal tambahan	1 000
Modal akhir	27 000

Berapakah keuntungan atau kerugian perniagaan tersebut?

- A Untung Bersih RM16 000
 B Untung Bersih RM18 000
 C Rugi Bersih RM16 000
 D Rugi Bersih RM18 000

- 28 Puan Mimi, pemilik Kedai Baju Comel tidak menyimpan rekod perniagaannya dengan lengkap. Butir-butir berikut diambil daripada buku perniagaannya pada 31 Disember 2022.

	RM
Baki Akaun Belum Terima 1 Januari 2022	2 010
Diskaun diberi	200
Pulangan masuk	280
Hutang lapuk	106
Penerimaan daripada Akaun Belum Terima	7 018
Baki Akaun Belum Terima pada 31 Disember 2022	1 420

Berapakah jumlah jualan kredit perniagaan tersebut?

- A RM6 242
 - B RM6 802
 - C RM7 014
 - D RM8 194
- 29 Penyata Penyesuaian Bank berikut diperoleh daripada Perniagaan Khew & Sons

Penyata Penyesuaian Bank pada 30 Jun 2022

	RM	RM
Baki kredit di Buku Tunai		(700)
Tambah: Cek belum dikemukakan	3 500	
Sewa	1 050	X
		Y
Tolak : Deposit belum dikreditkan	2 450	
Caj bank	70	Z
P		Q

Apakah **P** dan **Q**?

	P	Q
A	Baki kredit di penyata bank	RM1 330
B	Baki kredit di penyata bank	RM2 730
C	Baki debit di penyata bank	RM6 370
D	Baki debit di penyata bank	RM7 770

- 30 Antara berikut, yang manakah butiran pembayaran dalam Belanjawan Tunai.

- I Sewa
- II Modal
- III Belanja susut nilai
- IV Faedah atas pinjaman

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

31 Maklumat berikut diperolehi daripada Restoran Nasir dan Suria pada 31 Julai 2023.

	RM
Untung bersih	43 000
Faedah atas modal	13 000
Faedah atas ambilan	4 200

Nasir dan Suria bersetuju membahagikan untung atau rugi perkongsian mengikut nisbah 2:1. Hitung agihan untung yang diperolehi oleh Nasir.

- A RM8 600
 - B RM11 400
 - C RM17 200
 - D RM22 800
- 32 Butir manakah yang tidak terdapat dalam Akaun Semasa pekongsi?
- A Modal
 - B Ambilan
 - C Faedah atas modal
 - D Faedah atas ambilan
- 33 Apakah yang menyebabkan Akaun Modal pekongsi berbaki debit?
- I Rugi realisasi yang banyak
 - II Sumbangan modal yang kecil
 - III Aset yang diambil alih bernilai tinggi
 - IV Akaun Semasa menunjukkan baki kredit
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV
- 34 Apakah kandungan yang terdapat dalam Perlembagaan Syarikat?
- I Cara pembayaran dividen
 - II Tujuan penubuhan syarikat
 - III Peraturan penubuhan Syarikat
 - IV Tarikh syarikat boleh dibubarkan
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV

35 Pada 1 Julai 2023, Syarikat Firma Kreatif Berhad memiliki syer seperti berikut:

100 000 unit syer biasa RM0.50 sesyer. Pada 31 Disember 2023, syarikat telah mengisytiharkan dividen sebanyak 6 sen sesyer kepada pemegang syer biasa.

Hitungkan dividen yang dibayar kepada pemegang syer biasa.

- A RM1 500
- B RM3 000
- C RM3 500
- D RM6 000

36 Maklumat berikut diperolehi daripada buku Kelab Warisan Alam.

Akaun Penerimaan dan Pembayaran bagi tahun berakhir 31 Julai 2023

	RM
Penerimaan:	
Yuran	3 640

Maklumat tambahan:

Yuran belum terima pada 1 Ogos 2022 ialah RM420

Yuran belum terperoleh pada 31 Julai 2023 ialah RM180

Hitung jumlah yuran yang akan direkod dalam Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Julai 2023.

- A RM3 040
- B RM3 400
- C RM3 880
- D RM4 240

37 Maklumat berikut diperolehi daripada buku Kelab Catur Juara.

	1 Januari 2023	31 Disember 2023
	RM	RM
Sewa prabayar	480	600
Faedah belum terima	250	370

Buku Tunai (*petikan*)

	RM		RM
Faedah diterima	720	Sewa dibayar	1 680

Berapakah jumlah sewa dibayar dan faedah diterima yang dicatatkan dalam Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2023?

	Sewa dibayar	Faedah diterima
A	RM 600	RM1 340
B	RM1 560	RM 840
C	RM1 800	RM 600
D	RM2 760	RM 100

38 Antara berikut, manakah merupakan kos berubah sesebuah kilang?

- I Susut nilai loji dan mesin
- II Gaji setiausaha pengurus kilang
- III Tepung dalam kilang membuat roti
- IV Beg plastik untuk membungkus roti

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

39 Berikut ialah maklumat yang diperolehi daripada buku Kilang Minyak Wangi Gong Badak.

	RM
Inventori awal bahan langsung	3 000
Belian bahan langsung	4 500
Angkutan masuk bahan langsung	350
Upah buruh langsung	1 000
Inventori akhir bahan langsung	2 400
Sewa kilang	1 200
Royalti	700

Berapakah kos prima kilang berkenaan?

- A RM5 450
- B RM6 450
- C RM7 150
- D RM9 550

40 Apakah yang ditunjukkan di paksi melintang graf titik pulang modal?

- A Kos Tetap
- B Hasil jualan
- C Kos pengeluaran
- D Unit pengeluaran

KERTAS SOALAN TAMAT